



Anwar diiringi Saarani disambut orang ramai pada Majlis Penutup Program MADANI Rakyat 2025 Perak di Lumut, semalam. (Foto BERNAMA)

# 'Tangguhkan GST kerana tak mahu bebankan rakyat'

BERITA HARIAN 16 JUN 2025 m/s: 2

## Anwar tegaskan kerajaan kini kekal laksana SST yang lebih bersasar

**Lumut:** Kerajaan belum bersedia untuk melaksanakan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kerana ia akan memberi kesan kepada semua lapisan masyarakat, terutama golongan miskin, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, GST adalah cukai menyeluruh yang akan dikenakan secara sama rata kepada semua pengguna tanpa mengira pendapatan, termasuk nelayan, pekebun kecil atau tukang cuci jalan.

"GST ini anda kenakan cukai pada semua orang, walaupun ia efisien lebih mudah tak payah pening-pening kepala, senang saja enam peratus semua bayar.

"Tapi saya nak tanya, kalau enam peratus itu semua kena bayar, mengapa orang miskin, orang menganggur kena bayar?", kata beliau pada Majlis Penutup Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 Perak di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Besar Pe-

rak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Anwar berkata, walaupun ada cadangan daripada pembangkang yang mengatakan GST lebih baik, kerajaan ketika ini mengambil pendirian untuk menanggukannya kerana tidak mahu membebankan rakyat yang masih berhadapan dengan tekanan kos sara hidup.

"Sebab itu kita kata belum bersedia GST ini. Kalau esok ekonomi kita dah meningkat, gaji minimum semua RM4,000 ke atas, cukailah GST pun. Jadi, saya minta tangguh ini (GST), (jangan) dibuat jadi bahan politik," katanya.

### Cukai barangan mewah

Sebaliknya, Anwar berkata, kerajaan kini mengekalkan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang lebih bersasar, terutama ke atas barangan import mewah seperti buah avocado atau ikan kod yang lazimnya dinikmati oleh golongan berpendapatan tinggi.

"Pisang tempatan (Malaysia) tidak dikenakan cukai, tapi buah-buahan import yang mahal seperti avocado yang lazimnya dinikmati oleh orang berpendapatan tinggi, mereka yang ingin menikmatinya perlulah membayar lebih sikit.

"Begitu juga ikan kod yang juga diimport dan mahal, jadi kita cukailah," kata beliau.

Justeru, Perdana Menteri menegaskan hasil kutipan cukai daripada barangan import dan mahal itu akan dapat digunakan untuk membangunkan infrastruktur yang memberi manfaat kepada rakyat, termasuk hospital, sekolah serta sistem pertahanan negara.

Bagaimanapun, Anwar berkata, hasil cukai yang dikutip kerajaan bukan sekadar untuk menampung perbelanjaan operasi negara, tetapi juga bagi membiayai pelbagai inisiatif pembangunan dan kebajikan yang memberi faedah secara langsung kepada rakyat.

Beliau berkata, walaupun terdapat kelemahan dalam pelaksanaan SST, kerajaan sentiasa terbuka untuk menilai dan menambah baik sistem berkenaan secara menyeluruh demi kepentingan negara.

"Ada kelemahan dalam SST. Kita boleh bincang, kita tengok, kita perbaiki. Tetapi kena faham mengapa cukai dikenakan. Saya nak tanya (kenapa) hospital harus diperbaiki atau sekolah harus ditingkatkan keupayaannya?"

"Sekarang ini ada kecerdasan buatan (AI), teknologi digital, nak baik jalan atau tidak, jadi kalau semua nak, wang itu nak ambil daripada mana? Daripada cukailah. Jadi, sebab itu kita usaha bawa pelaburan dan dapat (peluang) pekerjaan," katanya.

BERNAMA